



SETIAP PILIHAN PENTING

Tatakelakuan UPM



UPM**BIOFORE**
BEYOND FOSSILS

Jadual Kandungan



TALIAN BANTUAN TATAKELAKUAN

Jika anda mempunyai apa-apa pertanyaan berkenaan Tatakelakuan, anda boleh menghubungi pada bila-bila masa codeofconduct@upm.com

i

Dapatkan maklumat lanjut berkenaan integriti dan dasar-dasar kita dalam intranet UPM (untuk warga UPM), codeofconduct.upm.com atau laman web korporat UPM di www.upm.com/codeofconduct

KOMITMEN KITA

- 1 Komitmen kita terhadap integriti 6

WARGA DAN OPERASI KITA

- 2 Menghormati orang dan hak asasi manusia 14
- 3 Menangani kesan terhadap alam sekitar dan keselamatan produk 22

INTEGRITI PERNIAGAAN

- 4 Toleransi sifar terhadap amalan rasuah dan sogokan 26
- 5 Elakkan konflik kepentingan 32
- 6 Pematuhan undang-undang persaingan 38
- 7 Lindungi aset dan maklumat 44

PEMEGANG KEPENTINGAN KITA

- 8 Kenali orang yang berurusan dengan anda 54
- 9 Melibatkan diri dengan pemegang kepentingan kita dan masyarakat 60

SUARAKAN KEBIMBANGAN ANDA

- 10 Pematuhan melibatkan semua orang 64

Rakan sekerja yang dihormati,

Tatakelakuan UPM merupakan panduan kepada semua warga UPM untuk mengekalkan standard integriti kita yang tinggi. Kita semua hendaklah memahami Tatakelakuan kita dan cara Tatakelakuan tersebut digunakan dalam kerja sehari-hari kita. Bersama dengan nilai kita – percaya dan dipercayai, capai bersama-sama, pembaharuan dengan keberanian – Tatakelakuan kita akan membimbing kita dalam perjalanan kita ke arah masa depan yang menjangkaui fosil.

Tatakelakuan kita mencerminkan rasa hormat kita terhadap individu, alam sekitar dan amalan perniagaan yang beretika. Kita boleh menzahirkan rasa hormat ini melalui tindakan kita. Tindakan ini membina kepercayaan dan penglibatan dalam dan luar syarikat yang menjadikan UPM sebagai majikan, rakan kongsi, pembekal dan pelanggan yang boleh dipercayai.

Teras budaya integriti kita ialah para pekerja kita yang berasa selesa menyuarakan keimbangan mereka. Apabila mereka berbuat demikian, kami dapat mengambil tindakan yang sewajarnya. Kami komited untuk mewujudkan suasana yang membolehkan semua pendapat didengari. Bersuara, dengar pendapat orang lain dan bertindak!

Pilihan kita adalah bermakna.

Yang ikhlas,

Massimo Reynaldo
Presiden & CEO



1

Komitmen kita terhadap integriti

Tanggungjawab ialah bahagian penting dalam strategi Biofore kita. Integriti adalah penting kepada semua operasi perniagaan kita dan menjadi asas kepada kejayaan dan perkembangan kita yang berterusan. Tatakelakuan UPM mentakrifkan standard yang kita semua gunakan untuk mencapai matlamat kita.

Nilai-nilai UPM

PERCAYA DAN DIPERCAYAI

**CAPAI
BERSAMA-SAMA
PEMBAHARUAN
DENGAN
KEBERANIAN**

Kita komited terhadap integriti dan kita mematuhi undang-undang

Kita komited terhadap integriti tanpa mengira keadaan, lokasi atau orang yang terlibat. Integriti mempengaruhi kedua-dua yang kita lakukan dan cara kita melakukannya. Sebagai sebahagian daripada komitmen kita terhadap integriti dan tingkah laku yang bertanggungjawab, kita mematuhi undang-undang dan peraturan di semua negara tempat kita beroperasi.

Dengan membuat pilihan yang betul, kita melindungi nilai yang dicipta di UPM setiap hari. Bertindak dengan integriti dapat membina reputasi kita sebagai rakan kongsi, pembekal, pelanggan dan majikan yang boleh dipercayai.

Tatakelakuan ialah piawai kita bersama

Tatakelakuan kita menetapkan prinsip yang membantu kita membuat keputusan yang wajar dari segi etika. Kita semua bertanggungjawab dan komited untuk mematuhi Tatakelakuan kita dan kita memahami sebab pentingnya berbuat demikian.

Tatakelakuan UPM terpakai kepada semua warga UPM di seluruh dunia. Tatakelakuan ini ialah asas kepada program, dasar dan prosedur tanggungjawab korporat dan pematuhan yang menangani lebih terperinci topik yang diliputi dalam Tatakelakuan ini. Kita juga menyelenggarakan sistem yang menetapkan cara mengesan risiko kepatuhan, cara bergerak balas kepada risiko ini dan cara mengawal serta memantaunya.

Kita berkomunikasi berdasarkan kepentingan pematuhan secara berterusan kepada para pekerja kita dan orang lain yang mewakili UPM. Kita menyediakan latihan tentang Tatakelakuan kepada para pekerja kita.



Sebagai para pekerja UPM, kita diharapkan untuk

- membaca, bertanya jika kita tidak memahami dan mematuhi Tatakelakuan kita
- membangkitkan dan menyuarakan kebimbangan kita jika kita mengesyaki berlakunya apa-apa salah laku
- meminta nasihat daripada pengurus kita atau pegawai Undang-undang dan Pematuhan UPM apabila kita tidak pasti tentang perkara yang wajar untuk dilakukan.

Selain itu, pengurus UPM diharapkan untuk

- memimpin melalui teladan
- menyampaikan dengan kerap Tatakelakuan dan dasar dan prosedur korporat yang lain kepada pasukan mereka dan meluangkan masa untuk membincangkan cara dasar dan tatacara itu terpakai kepada pasukan
- memastikan bahawa ahli pasukan bertanggungjawab atas tindakan mereka serta memuji tingkah laku teladan dan ahli pasukan kerana mengemukakan idea dan kebimbangan mereka
- memupuk suasana yang membolehkan ahli pasukan berasa selamat dan yakin untuk menyuarakan kebimbangan mereka dan bahawa tindakan balas tidak akan ditoleransi
- mendengar kebimbangan ahli pasukan dan membangkitkan apa-apa syak wasangka tentang salah laku kepada pihak atasan
- menyelia dan menyokong pasukan mereka dalam memenuhi harapan di atas.



APABILA ANDA TIDAK PASTI TENTANG CARA BERTINDAK

Fikirkan tentang tindakan yang anda rancang dan tanya diri anda sama ada

tindakan itu sejajar dengan Tatakelakuan kita

tindakan itu adalah sah

tindakan itu beretika

anda mahu membacanya pada media sosial atau dalam akhbar



Jika jawapan untuk mana-mana soalan ini ialah tidak, berhenti serta-merta dan minta bantuan untuk mencari jalan yang betul.

Di UPM, kita mengiktiraf dan mempromosikan secara aktif

- Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu yang membimbing kerja kita dalam pembangunan mampan dan pemberian berterusan operasi kita
- Sepuluh Prinsip United Nations Global Compact berkaitan hak asasi manusia, buruh, persekitaran dan anti-sogongan
- Panduan OECD untuk Perusahaan Multinasional.

Perniagaan UPM

Kita mencari pertumbuhan yang mampan dengan mendayakan pelanggan dan pengguna kita untuk membuat pilihan yang lebih mampan. Prestasi tinggi, inovasi dan komitmen yang tidak goyah terhadap tanggungjawab merupakan asas kepada strategi kita.

Tujuan UPM

**KITA MEWUJUDKAN
MASA HADAPAN
YANG MELAMPAUI
BAHAN API FOSIL**

**Sumber**

- Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu
- Sepuluh Prinsip United Nations Global Compact
- Panduan OECD untuk Perusahaan Multinasional.

2

Menghormati orang dan hak asasi manusia

Kita percaya bahawa syarikat berperanan penting untuk memastikan penghormatan terhadap hak asasi manusia. Operasi dan hubungan perniagaan kita memberikan kesan kepada manusia dan boleh memberikan kesan kepada hak asasi manusia. Kita berusaha untuk memastikan bahawa hak asasi manusia dihormati di seluruh operasi dan hubungan perniagaan kita selaras dengan Prinsip Panduan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu tentang Perniagaan dan Hak Asasi Manusia. Semua ini bermula dengan menyediakan tempat kerja yang selamat dan terangkum dan menghormati hak pemegang kepentingan.



"Pertimbangkan dan berikan sumbangan kepada kesejahteraan dan maruah orang lain"

Kita menghormati hak asasi manusia

UPM komited dalam menghormati hak asasi manusia sejajar dengan Prinsip Panduan Bangsa-Bangsa Bersatu tentang Perniagaan dan Hak Asasi Manusia.

Kita berusaha untuk memastikan bahawa hak asasi manusia dihormati oleh semua warga UPM di seluruh operasi dan hubungan perniagaan kita dan mengharapkan agar pembekal dan rakan kongsi perniagaan kita juga begitu. Kita muh memastikan bahawa operasi dan produk kita tidak menyumbang kepada pelanggaran hak asasi manusia dan begitu juga berusaha memastikan bahawa kita membeli semua bahan dan perkhidmatan daripada sumber yang bertanggungjawab.

Kita memantau dan berusaha untuk memulihkan kesan buruk terhadap hak asasi manusia yang kita sedari dan yang diakibatkan atau disumbangkan oleh aktiviti kita.

Kita menghormati hak buruh dan menggalakkan keadaan kerja yang adil

Kita menggalakkan keadaan kerja yang adil dan menghormati hak para pekerja untuk membentuk dan menyertai persatuan, berunding secara bersama dan berkumpul secara aman. Kita tidak bertolak ansur dengan perhambaan moden, buruh kanak-kanak, buruh paksa atau pemerdagangan orang dalam apa-apa konteks dalam operasi kita atau dalam apa-apa bahagian rantaian nilai kita.

Kita tidak bertolak ansur dengan diskriminasi dan gangguan

Tindakan dan komunikasi kita dengan rakan sekerja, rakan kongsi perniagaan dan pemegang kepentingan lain adalah profesional dan penuh hormat. Kita menghormati hak terhadap kebebasan berfikir, berpendapat, bersuara dan beragama.

Kita tidak bertolak ansur dengan diskriminasi langsung atau tidak langsung terhadap sesiapa sahaja berdasarkan jantina, umur, keetnikan, bangsa, kewarganegaraan, pertalian keluarga, bahasa, agama, pendapat politik, hubungan kesatuan sekerja, kelainan upaya, orientasi seksual atau ciri peribadi lain yang serupa. Kita tidak bertolak ansur dengan gangguan seksual atau apa-apa bentuk gangguan yang lain. Kita semua bertanggungjawab untuk mengekalkan persekitaran kerja selamat yang bebas daripada diskriminasi dan gangguan.

Kita menggalakkan kepelbagaian dan keterangkuman

Kita memupuk kepelbagaian dan berusaha bersungguh-sungguh untuk membina budaya dan persekitaran kerja yang terangkum yang membolehkan individu berasa selamat dan berkembang maju. Kita menggalakkan peluang kerjaya yang saksama berdasarkan kelayakan dan keperluan perniagaan. Kita berusaha untuk menggalakkan budaya yang terangkum dan menghormati orang lain dalam persekitaran kerja kita. Kita mengalu-alukan bakat seseorang dengan pelbagai kecekapan dan latar belakang. We welcome the talent of people with various competences and backgrounds.



?

APAKAH PERKARA YANG WAJAR DILAKUKAN?

→ Untuk kita semua memupuk rasa hormat terhadap manusia

- Jadikan perasaan hormat terhadap orang dan hak asasi mereka sebahagian daripada cara anda bekerja.
- Layani orang dengan maruah dan dengan cara anda mahu untuk dilayani.
- Fikirkan kesan kerja anda – tindakan dan pelan – terhadap orang lain.
- Pertimbangkan dan nilai risiko terhadap orang dalam tindakan dan keputusan anda. Perkara ini penting terutamanya apabila mempertimbangkan proses perniagaan, pasaran, pelaburan, perolehan atau perkongsian atau apabila menjalankan perniagaan di negara yang kedaulatan undang-undangnya lemah atau di tempat yang kerajaannya bukan hasil proses demokrasi yang bebas dan terbuka.
- Jika anda berpendapat bahawa orang dari dalam atau luar UPM boleh menerima kesan negatif daripada tindakan anda, operasi UPM atau hubungan perniagaannya, berhenti sejenak untuk memastikan bahawa tindakan itu tidak menjelaskan komitmen kita terhadap hak asasi manusia.
- Layani orang sama rata dan hargai perbezaan mereka, tanpa mengira diri mereka atau tempat mereka berada.
- Jika anda mendapat tahu tentang apa-apa yang bercanggah dengan komitmen kita untuk menghormati orang dan hak asasi manusia, laporkan dengan serta-merta kepada pengurus anda atau menggunakan saluran pelaporan lain yang diterangkan dalam Bahagian 10.

→ Untuk pengurus


- Galakkan layanan adil dan maruah untuk semua. Wujudkan suasana terangkum yang semua suara boleh didengari.
- Berusaha berhabis-habisan untuk menggalakkan kepelbagai. Sambut pekerja dengan kecekapan, pengalaman dan latar belakang yang berbeza dalam pasukan kita.
- Bina dan galakkan budaya yang membolehkan pekerja memberikan pelbagai pandangan dan peluang untuk memberikan sumbangan dan berasa dihargai.

→ Apabila berurusan dengan rakan kongsi perniagaan

- Gunakan piawai hak asasi manusia yang sama seperti dengan rakan sekerja anda semasa berhubung dengan pembekal, pelanggan dan pemegang kepentingan lain.
- Pastikan bahawa pembekal dan orang tengah kita terikat kepada dan mematuhi Tatakelakuan Pembekal dan Pihak Ketiga UPM atau piawai yang serupa.
- Berikan perhatian terhadap kemungkinan tanda amaran, seperti salah laku yang lalu, menolak untuk memberikan komitmen kepada apa-apa standard yang berkaitan, ketaksamaan dalam tenaga kerja, keganasan atau cara lain untuk memaksa para pekerja bekerja tanpa kerelaannya, keadaan kerja yang tidak selamat dan tidak bersih, yuran perekutan atau menyimpan dokumen identiti para pekerja.

UPM menghormati

- Prinsip Panduan Bangsa-bangsa Bersatu tentang Perniagaan dan Hak Asasi Manusia
- Deklarasi Universal Hak Asasi Manusia PBB
- Deklarasi ILO berkenaan Prinsip dan Hak Asasi di Tempat Kerja



Sumber

- Peraturan Sumber Manusia UPM


Kita tidak bertolak ansur berkenaan kesihatan dan keselamatan

Kita tidak bertolak ansur berkenaan kesihatan dan keselamatan. Kita hanya bekerjasama dengan rakan kongsi perniagaan yang berkongsi komitmen ini. Kita semua bertanggungjawab untuk sentiasa bekerja dengan selamat dan memastikan persekitaran dan proses kerja yang selamat dan sihat. Semua pengurus mesti mengarah, menyelia dan menyokong pasukan mereka agar mereka dapat bekerja dengan selamat.

Kita mesti mematuhi semua undang-undang kesihatan dan keselamatan pekerjaan yang terpakai serta peraturan dan piawai keselamatan korporat kita. Kita mengenal pasti dan menilai kemungkinan risiko kesihatan dan keselamatan. Kita menyertakan penilaian risiko dan rancangan pengurangan dalam proses perniagaan termasuk pelaburan dan projek pembangunan. Kita belajar daripada kejadian untuk mengelakkan isu yang serupa pada masa hadapan dan kita berkongsi pembelajaran ini dengan serata warga UPM dan pemegang kepentingan.

Kita menjaga kesejahteraan dan perkembangan kita

Kesejahteraan para pekerja amat penting kepada kita. Kita menekankan kepimpinan dan integriti yang berdasarkan nilai dan menyuntik inspirasi. Kita mahu mewujudkan persekitaran yang memupuk semangat kekitaan dalam pasukan dan tempat setiap orang merasa dihargai. Para pekerja digalakkan agar aktif dalam mengejar perkembangan dan pertumbuhan peribadi dan profesional mereka dan kami menawarkan sokongan apabila diperlukan.



APAKAH PERKARA YANG WAJAR DILAKUKAN?

→ Untuk kita semua demi memastikan kesihatan, keselamatan dan kesejahteraan

- Menjadi model peranan untuk kesihatan dan keselamatan dan memimpin melalui teladan. Pastikan anda mengambil berat tentang diri sendiri dan rakan sekerja anda dan jaga kesejahteraan diri anda.
- Letakkan harapan dan galakkan para pekerja lain untuk mematuhi keperluan keselamatan UPM. Jika anda melihat amalan kerja yang tidak selamat, anda mesti bersuara.
- Nilaikan risiko sebelum mulakan apa-apa kerja dan praktikkan langkah berjaga-jaga yang diperlukan. Jangan ambil apa-apa jalan pintas walaupun di bawah tekanan dan jangan mula bekerja melainkan keadaan selamat.
- Laporkan apa-apa kemalangan dan keadaan yang tidak selamat dengan serta-merta. Jangan andaikan bahawa orang lain telah melaporkan risiko atau kebimbangan yang wujud.
- Pastikan prestasi kerja anda tidak terjejas akibat contohnya, alkohol atau dadah.
- Pertimbangkan cara anda boleh menambah baik suasana tempat kerja anda dan memberikan inspirasi kepada orang lain.
- Pikul tanggungjawab bagi pembangunan diri dan kerjaya profesional anda.




Sumber

- Peraturan Keselamatan UPM

3

Menangani kesan terhadap alam sekitar dan keselamatan produk

Menangani kesan alam sekitar kita ialah prasyarat untuk operasi yang berkesan dan perniagaan yang berjaya. Keselamatan produk merupakan teras pembangunan produk kita.



Kita mematuhi undang-undang yang terpakai

Kita mematuhi undang-undang alam sekitar dan produk yang terpakai dan memantau dengan teliti betapa operasi kita memberikan kesan kepada udara, cuaca, air, tanah, kepelbagaian hayat serta manusia.

Kita meminimumkan, mengurangkan dan mengukur

Kita bermatlamat untuk meminimumkan kesan negatif langsung atau tidak langsung terhadap alam sekitar atau manusia dalam lingkungan pengaruh kita, termasuk cara kita menggunakan tanah. UPM komited untuk mengambil tindakan berdasarkan sains untuk mengurangkan kesan operasi kita terhadap cuaca dan kepelbagaian hayat dan untuk menyesuaikan diri dengan perubahan iklim.

Secara berterusan, kita mengukur dan menilai risiko dan kesan alam sekitar secara langsung dan tidak langsung oleh operasi kita dan mempromosikan penggunaan teknik tersedia yang terbaik. Kita mengharapkan agar pembekal dan rakan kongsi perniagaan kita turut berkongsi komitmen kita terhadap alam sekitar.

Ini tanggungjawab kita bersama

Kita mengharapkan agar semua para pekerja kita menyedari isu alam sekitar dalam tugas seharian mereka. Oleh sebab itulah kita semua diharapkan untuk bertindak dengan rasa tanggungjawab dan berkongsi amalan terbaik. Kita mesti mempertimbangkan dengan teliti apa-apa tindakan yang boleh menjaskan manusia atau persekitaran.

Semua para pekerja kita mesti mengurus kesan alam sekitar UPM secara sistematis dengan menyematkan dalam fikiran prinsip pemberian berterusan kita. Bahan kimia dan bahan berbahaya lain mesti dikendalikan dengan selamat mengikut sistem pengurusan yang diiktiraf antarabangsa.

Kita berusaha ke arah pengawasan produk

Kita membangunkan produk untuk masa hadapan yang melampaui bahan api fosil dan berusaha ke arah pengawasan produk yang mengambil kira seluruh kitaran hayat produk. Kita semua bertanggungjawab untuk memastikan produk UPM selamat digunakan mengikut tujuannya dan memenuhi keperluan kawal selianya.



APAKAH PERKARA YANG WAJAR DILAKUKAN?



Untuk kita semua

- Kita hendaklah tahu kesan terhadap alam sekitar dan keperluan undang-undang bagi tugas dan tempat kerja anda.
- Elakkan risiko yang boleh memudaratkan alam sekitar atau orang ramai dan bertindak sebelum apa-apa masalah timbul.
- Laporkan apa-apa aktiviti yang mungkin akan mengakibatkan risiko kepada alam sekitar atau orang ramai.
- Pastikan produk memenuhi semua keperluan yang berkenaan.
- Kongsi amalan terbaik anda dengan orang lain.



Untuk kita yang bekerja di tapak pengeluaran

- Jangan abaikan keperluan alam sekitar untuk kerja anda.
- Jalankan semua pengukuran, analisis dan pelaporan dengan jujur dan tepat.
- Jangan bazirkan sumber (air, tenaga elektrik, bahan mentah) dan gunakan dengan cekap.
- Kendalikan bahan kimia, bahan lain yang berbahaya dan sisa dengan berhati-hati mengikut arahan.



Sumber

- Pernyataan Tanggungjawab UPM

4

Toleransi sifar terhadap amalan rasuah dan sogokan

Rasuah, termasuk sogokan, mengganggu persaingan adil dan menghalang inovasi. Ini boleh mengorbankan kebebasan, kesihatan atau malah nyawa manusia. Ini boleh membahayakan alam sekitar dan memperlambangkan kemajuan ke arah ekonomi yang lebih mampan. Kita mestilah tidak terlibat dalam apa-apa aktiviti dengan akibat sedemikian. Kita juga mestilah jelas dengan rakan kongsi perniagaan kita, pada semua peringkat organisasi, bahawa kita tidak bertoleransi dengan amalan rasuah atau sogokan dalam apa-apa bentuk sekali pun.



**"Tiada kompromi,
tiada alasan,
tiada pengecualian!"**

Kita tidak sekali-kali akan menawarkan atau menerima sogokan

Prinsip panduan UPM adalah jelas: kita tidak bertoleransi dengan amalan rasuah atau sogokan dalam apa-apa bentuk sekali pun. Kita tidak sekali-kali akan menawarkan atau membayar sogokan atau membenarkan sogokan dibayar bagi pihak kita, sama ada kepada pegawai kerajaan atau orang perseorangan dan begitu juga kita tidak sekali-kali akan meminta atau menerima sogokan.

Khususnya, kita mestilah tidak sekali-kali memberikan atau menawarkan sesuatu yang berharga untuk mempengaruhi dengan tidak wajar suatu keputusan untuk mendapatkan atau mengekalkan perniagaan atau apa-apa kelebihan yang tidak adil. Kita mestilah tidak melakukan sedemikian secara langsung atau tidak langsung melalui pihak ketiga yang bertindak bagi pihak UPM. Begitu juga, kita mestilah tidak meminta atau menerima apa-apa yang bernilai secara langsung atau tidak langsung atau menerima apa-apa yang bernilai yang mungkin boleh menjasakan atau kelihatan seperti menjasakan keupayaan kita untuk menjadi objektif dalam keputusan perniagaan kita.

"Apa-apa yang bernilai" mesti difahami secara meluas; ini termasuk wang tunai, apa-apa bayaran, pinjaman, diskau, sumbangan politik atau amal, pembayaran balik, hadiah, kad hadiah, hidangan, hiburan, perjalanan, pekerjaan atau latihan amali (walaupun tidak berbayar), peluang perniagaan, perkhidmatan atau manfaat lain.

Kita tidak membuat bayaran pemudahan

Bayaran pemudahan dianggap sebagai rasuah di kebanyakan negara. Ini biasanya bermaksud bayaran yang dibuat kepada penjawat awam untuk mempercepat atau sebaliknya memudahkan perkhidmatan rutin kerajaan yang sememangnya perlu dilakukan oleh penjawat awam itu. Bayaran pemudahan dalam apa-apa bentuk adalah dengan ini dilarang sama sekali.

Kita tidak menawarkan atau menerima suapan

Suapan ialah bayaran haram yang digunakan sebagai pampasan untuk layanan khas dan juga sejenis rasuah. Suapan boleh berbentuk wang tunai, hadiah atau apa-apa yang lain yang bernilai. Menawarkan atau menerima suapan secara langsung atau tidak langsung kepada atau daripada rakan kongsi perniagaan dalam apa-apa urus niaga antara UPM dengan mana-mana rakan kongsi perniagaan adalah dengan ini dilarang sama sekali.

Kita mempertimbangkan hadiah, layanan baik dan perbelanjaan perjalanan dengan teliti

Hadiah, layanan baik dan perbelanjaan perjalanan, yang diberikan atau diterima mestilah dengan tujuan perniagaan yang sah dan sentiasa mengikut jenis dan nilai yang sesuai. Kita mesti mendapatkan kelulusan untuk apa-apa perbelanjaan hadiah, layanan baik dan perjalanan mengikut dasar korporat kita.

Kita menolak dan melaporkan semua permintaan dan tawaran tidak wajar

Semua permintaan dan tawaran apa-apa hadiah, layanan baik, perbelanjaan perjalanan, bayaran atau manfaat yang tidak wajar mesti ditolak dan dilaporkan dengan segera kepada Jabatan Undang-undang dan Pematuhan UPM.





APAKAH PERKARA YANG WAJAR DILAKUKAN?

→ Apabila berurus dengan entiti dan pegawai kerajaan

- Jangan berikan, tawarkan atau terima sesuatu yang bernilai kepada pegawai kerajaan tanpa mendapatkan nasihat daripada Jabatan Undang-undang dan Pematuhan UPM terlebih dahulu.

Fahami bahawa pada istilah “pegawai kerajaan” terdapat makna yang meluas di bawah undang-undang antisogokan. Istilah ini termasuk mana-mana pegawai, pekerja atau wakil atau calon mana-mana jabatan kerajaan, agensi, perusahaan dimiliki atau dikawal kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan, kariah, parti politik atau organisasi antarabangsa awam.

- Jangan buat bayaran pemudahan untuk mempercepat tindakan rutin kerajaan, seperti memproses kertas kerja, menjelaskan proses kastam atau mendapatkan permit kerja atau lesen alam sekitar.
- Hubungi Jabatan Undang-undang dan Pematuhan UPM jika pegawai kerajaan meminta untuk menggunakan rakan kongsi perniagaan tertentu, untuk menaja atau menderma bagi perkara yang disyorkan oleh pegawai tersebut atau jika anda berusaha untuk menawarkan pekerjaan, latihan amali atau peluang perniagaan kepada seseorang yang rapat dengan pegawai kerajaan yang mempunyai hubungan dengan aktiviti perniagaan UPM.

→ Apabila berurus dengan rakan kongsi perniagaan persendirian

- Ingatlah bahawa memberikan, menawarkan atau menerima sogokan, suapan atau bayaran lain kepada atau daripada rakan kongsi perniagaan persendirian atau pihak lain yang bertujuan untuk mempengaruhi keputusan perniagaan atau mendapatkan layanan istimewa adalah melanggar pelbagai undang-undang dan dasar syarikat.
- Ingatlah bahawa anda dan UPM boleh dipertanggungjawabkan di bawah undang-undang atas tingkah laku tidak wajar rakan kongsi perniagaan yang bertindak bagi pihak UPM, seperti ejen, perunding, penasihat, rakan kongsi usaha sama, rakan kongsi tempatan atau pengedar.
- Apabila menandatangani atau memperbaharui kontrak dengan rakan kongsi perniagaan yang bertindak bagi pihak kita, pertimbangkan dengan teliti sebab perniagaan untuk mendapatkan khidmat rakan kongsi tersebut.

- Lakukan penilaian risiko dan usaha wajar yang sesuai mengikut dasar dan prosedur korporat.
- Pastikan anda menyertakan Tatakelakuan Pembekal dan Pihak Ketiga UPM dan terma kontraktual yang ditentukan dalam dasar dan prosedur korporat dalam kontrak itu.
- Hanya bayar komisen dan yuran yang munasabah dan berjustifikasi kepada rakan kongsi perniagaan yang bertindak bagi pihak kita, berdasarkan perkhidmatan yang disampaikan dan kontrak antara UPM dengan rakan kongsi itu.

→ Apabila mempertimbangkan perbelanjaan untuk hadiah, layanan baik, perjalanan dan hiburan

- Jangan tawarkan, berikan atau terima apa-apa hadiah atau layanan baik, makanan, perjalanan atau hiburan yang keterlaluan atau yang digunakan untuk mempengaruhi dengan tidak wajar keputusan perniagaan, mendapatkan layanan istimewa atau yang boleh kelihatan sebagai tidak wajar.
- Jangan berikan atau terima hadiah wang tunai atau kesamaan tunai iaitu barang yang mudah ditukar kepada tunai. Kesamaan tunai termasuk, antaranya, kad hadiah prabayar dan sijil hadiah.
- Jangan berikan atau terima apa-apa hadiah atau layanan baik yang tidak senonoh atau berlawanan dengan nilai kita atau standard Tatakelakuan kita.
- Laporkan semua perbelanjaan yang berkaitan dengan hadiah dan layanan baik, makanan, perjalanan atau hiburan dengan tepat dan jujur dalam buku kira-kira dan rekod syarikat. Sertakan nama dan jawatan hadirin atau penerima, tempat, tarikh, jumlah yang dibelanjakan, invois dan resit mengikut dasar dan prosedur korporat UPM.
- UPM membayar balik perbelanjaan berkaitan kerja yang munasabah kepada para pekerja kita. Bayaran yang meliputi perbelanjaan rakan kongsi perniagaan kita dibuat mengikut prosedur dalaman.



Sumber

- Peraturan Antisogokan UPM
- Peraturan Hadiah dan Layanan Baik UPM APAC

5

Elakkan konflik kepentingan

Kita semua mempunyai minat dan hubungan peribadi di luar syarikat. Terdapat kemungkinan bahawa kadang kala hal ini bersilang dengan aktiviti perniagaan kita dan malah mungkin bercanggah dengan kepentingan UPM. Ini boleh menyebabkan kerugian kewangan atau reputasi kepada syarikat. Maka, penting untuk mengenal pasti dan mendedahkan kemungkinan konflik dan mengurusnya dengan bersesuaian.



Kita bertindak demi kepentingan UPM

Kita semua diharapkan untuk bertindak demi kepentingan UPM dan mengelakkan konflik kepentingan. Konflik kepentingan timbul apabila kepentingan peribadi anda bercanggah dengan kepentingan UPM. Malah, tanggapan berlakunya konflik kepentingan boleh menjelaskan syarikat dan reputasinya.

Kita memastikan kepentingan peribadi kita berasingan daripada keputusan perniagaan

Kepentingan peribadi boleh menimbulkan konflik kepentingan seperti memegang saham dalam syarikat pembekal, pelanggan atau pesaing kita atau mempunyai hubungan lain dengan mereka. Apabila wujud kepentingan peribadi sebegitu, anda mestilah tidak terlibat dalam apa-apa proses membuat keputusan berkaitan dengan rakan kongsi perniagaan tersebut. Pegangan saham kecil dalam syarikat yang tersenarai di bursa saham tidak menimbulkan konflik kepentingan.

Kita mempertimbangkan semua kerja sampingan dan kedudukan beramanah dengan berhati-hati

Anda mestilah tidak bekerja atau terlibat dalam aktiviti profesional yang lain dengan pesaing UPM. Anda mestilah tidak terlibat dalam apa-apa aktiviti yang memberikan kesan negatif pada prestasi tugas anda kerana terlalu banyak masa diambil atau berkonflik dengan tugas anda di UPM. Menjadi ahli lembaga, pengarah, pegawai, penasihat atau jawatan serupa di organisasi lain boleh juga mengganggu kewajipan anda di UPM dan menimbulkan konflik kepentingan.

Kita tidak membiarkan hubungan peribadi kita mendatangkan kesan kepada kerja kita

Kita semua mungkin mempunyai saudara-mara atau rakan yang bekerja untuk syarikat pelanggan, pembekal atau pesaing UPM atau mempunyai kepentingan kewangan di dalamnya. Hubungan jenis ini boleh menimbulkan kemungkinan konflik kepentingan. Orang lain mungkin berfikir bahawa anda akan memberikan layanan istimewa kepada rakan kongsi perniagaan tersebut atau mereka mungkin akan mempengaruhi tindakan yang anda ambil bagi pihak UPM. Konflik kepentingan timbul jika anda berkuasa atau berpengaruh dalam membuat keputusan semasa berurusan dengan rakan kongsi perniagaan itu.

Kita tidak mengambil bekerja orang yang rapat dengan kita

Harap maklum bahawa konflik kepentingan juga wujud jika anda menyelia atau diselia oleh ahli keluarga, saudara-mara atau yang serupa atau jika anda sedang menimbang untuk mengambil orang seumpamanya untuk bekerja. Penyeliaan atau pengambilan pekerja secara langsung begini tidak dibenarkan.

Kita dedahkan dan bincangkan

Anda mesti memaklumkan pengurus anda tentang apa-apa konflik kepentingan yang sebenar atau yang mungkin berlaku, mendokumenkan perkara itu dan tindakan pengurangan yang dipersetujui dan mendapatkan kebenaran, jika perlu. Konflik bukanlah secara automatik merupakan pelanggaran Tatakelakuan tetapi kegagalan mendedahkan konflik itu sendiri merupakan pelanggaran. Setiap situasi dinilai mengikut kes dan tindakan akan diambil untuk memastikan bahawa budaya integriti kita tidak terancam.





APAKAH PERKARA YANG WAJAR DILAKUKAN?



Untuk kita semua

- Pastikan bahawa semua keputusan anda berkenaan tugas adalah objektif dan dibuat dengan mementingkan kepentingan perniagaan UPM.
- Jangan cuba untuk mendapatkan apa-apa manfaat peribadi yang tidak adil daripada peluang yang dicipta oleh jawatan anda dalam syarikat atau menggunakan maklumat atau aset yang dapat anda akses semasa bekerja.
- Alikan diri anda daripada semua proses membuat keputusan yang menimbulkan apa-apa konflik kepentingan yang sebenar atau yang mungkin berlaku atau yang dilihat boleh menimbulkan konflik kepentingan.
- Maklumkan pengurus anda jika anda mempertimbangkan apa-apa tugas atau jawatan luar selain yang jawatan yang sedang anda pegang untuk membincangkan kemungkinan konflik kepentingan. Dapatkan keizinan bertulis, jika perlu.
- Dokumentkan semua konflik kepentingan yang mungkin berlaku dan yang sebenar serta maklumi pengurus anda tentang konflik tersebut, sama ada anda berpendapat bahawa perkara itu mempengaruhi keputusan anda atau tidak.



Untuk pengurus

- Dengari dengan teliti ahli pasukan anda yang mahu mendedahkan kemungkinan konflik kepentingan.
- Ambil tindakan sewajarnya untuk mengelakkan atau mengurangkan apa-apa risiko yang berkaitan dengan konflik kepentingan.
- Jangan rekrut atau ambil bekerja ahli keluarga anda atau orang yang seumpamanya. Maksud ahli keluarga ini ialah pasangan, rakan kongsi, anak, ibu bapa, datuk nenek, adik beradik, sepupu, bapa saudara dan ibu saudara. Maksud orang yang seumpamanya ialah contohnya, rakan rapat dan ahli keluarga mereka.
- Dapatkan nasihat daripada pengurus anda, Sumber Manusia UPM atau Jabatan Undang-undang dan Pematuhan UPM jika anda tidak pasti tentang tindakan wajar yang perlu diambil.



ADAKAH KONFLIK KEPENTINGAN BERLAKU? TANYA DIRI ANDA

Adakah kepentingan atau hubungan peribadi saya mempengaruhi keputusan yang bakal saya buat atau mengganggu kepentingan UPM?



Jika ya,
sila bincangkan dengan pengurus anda



Jika anda tidak pasti,
bincangkan dengan pengurus anda



Jika tidak,
adakah orang lain akan melihat konflik itu begitu?

Jika ya,
sila bincangkan dengan pengurus anda

Jika tidak,
mungkin tiada konflik
kepentingan yang berlaku

6

Pematuhan undang-undang persaingan

Kita percaya bahawa pasaran yang sihat dan bersaing menggalakkan pertumbuhan dan inovasi. Undang-undang persaingan melindungi dan mempromosikan persaingan yang berkesan dan adil. Pelanggaran undang-undang persaingan boleh membawa akibat yang serius kepada kedua-dua syarikat dan individu.





"Kejayaan perniagaan dibina atas pematuhan"

Kita sentiasa mematuhi undang-undang persaingan

Tindakan kita mestilah sentiasa mematuhi undang-undang yang terpakai yang mengawal atur persaingan. Undang-undang persaingan melarang perjanjian dan amalan lain yang bertujuan untuk menyekat atau mengganggu persaingan atau seterusnya berbuat demikian. Undang-undang ini menghendaki setiap syarikat bertindak secara bebas dalam pasaran tanpa terlibat dalam amalan yang boleh menghalang persaingan. Undang-undang ini juga menyelia tingkah laku syarikat yang mempunyai kedudukan pasaran yang dominan.



Apakah perkara yang wajar dilakukan?



Untuk kita semua

- Jangan libatkan diri dalam penetapan harga, peruntukan pelanggan, pembahagian produk atau pasaran geografi, penipuan bida, pemulauan atau pengehadan, pengurangan atau penstabilan pengeluaran atau perjanjian berkenaan sumber daya dengan pesaing.
- Jangan bincangkan atau bertukar maklumat sensitif dengan pesaing. Ini terpakai pada perbincangan dengan pesaing UPM dalam semua majlis termasuk majlis sosial tidak rasmi dan perjumpaan tidak dirancang. Contoh maklumat sensitif termasuk harga, kos, jumlah pengeluaran, diskauan, kadar pengendalian, peruntukan pasaran, rancangan dan penutupan kilang.
- Jika pesaing memulakan perbincangan tentang apa-apa subjek sensitif yang disebut di atas, tolak daripada terlibat dalam apa-apa cara sekali pun. Maklumkan Jabatan Undang-undang dan Pematuhan UPM dengan segera jika ini berlaku.
- Pastikan bahawa apa-apa perjanjian perdagangan dengan pesaing, pelanggan, pengedar, pembekal atau rakan kongsi perniagaan yang lain mematuhi undang-undang persaingan. Hubungi Jabatan Undang-undang dan Pematuhan UPM jika anda tidak pasti.



Jika anda perlu menghubungi pesaing

- Elakkan semua hubungan yang tidak perlu dengan pesaing. Semua hubungan dengan pesaing mestilah mempunyai tujuan yang jelas dan mengikut undang-undang.
- Minta keizinan dahulu sebelum menghubungi pesaing berdasarkan dasar dan prosedur korporat kita.

- Anda bertanggungjawab untuk memastikan hubungan anda dengan pesaing mematuhi dasar korporat kita dan anda hendaklah melaporkan dengan segera kepada Jabatan Undang-undang dan Pematuhan UPM jika sesuatu yang boleh menjasakan hal ini berlaku.

→ Untuk mereka yang mengambil bahagian dalam persatuan dan aktiviti yang serupa

- Hubungi Jabatan Undang-undang dan Pematuhan UPM terlebih dahulu jika anda merancang untuk menyertai apa-apa persatuan, konsortium, platform atau inisiatif yang melibatkan pesaing – tanpa mengira tujuannya.
- Jangan ambil bahagian dalam apa-apa persatuan yang tidak direkodkan dalam pangkalan data kita mengikut dasar dan prosedur korporat kita.
- Sebelum menyertai apa-apa persatuan, konsortium atau penglibatan yang serupa dengan pesaing, pastikan bahawa pematuhan undang-undang persaingan yang terpakai telah dipatuhi dengan sewajarnya.
- Jangan ambil bahagian dalam mesyuarat yang melibatkan pesaing tanpa agenda.
- Semak agenda mesyuarat dahulu untuk memastikan topik adalah sah. Jika ragu-ragu, minta nasihat Jabatan Undang-undang dan Pematuhan UPM.
- Jangan berkongsi maklumat sensitif dalam mesyuarat.
- Bantah dengan serta-merta jika peserta mesyuarat lain melanggar undang-undang persaingan dengan tindakan mereka atau dengan mendedahkan maklumat sensitif. Jika ini tidak berkesan, tinggalkan mesyuarat itu dengan serta-merta, pastikan bahawa keberangkatan anda telah dicatatkan (walaupun dalam mesyuarat dalam talian) dan maklumkan Jabatan Undang-undang UPM dengan segera. Apabila berpeluang, pastikan bahawa bantahan dan/atau maklumat anda keluar dari mesyuarat itu dicatat dalam minit mesyuarat tersebut.
- Periksa sama ada minit mesyuarat mencerminkan perbincangan dalam mesyuarat dengan betul. Minta perubahan dan pindaan, jika perlu.

→ Jika bertukar maklumat

- Jangan kongsikan maklumat komersial dengan pesaing untuk tujuan statistik tanpa mendapatkan nasihat daripada Jabatan Undang-undang dan Pematuhan UPM dahulu. Anda mestilah tidak melakukannya secara langsung atau tidak langsung melalui pihak ketiga, contohnya, persatuan perdagangan.

- Pastikan bahawa kerahsiaan sentiasa dipelihara dan jangan berkongsi apa-apa maklumat lanjut dengan rakan kongsi perniagaan anda selain yang perlu untuk urus niaga yang telah dirancang. Ini penting untuk diingati, contohnya, jika anda berurusan dengan pelanggan atau pembekal yang merupakan pesaing di kawasan perniagaan UPM yang lain. Dalam kes sebegitu, jangan kongsi maklumat daripada rakan kongsi perniagaan anda dengan kawasan perniagaan UPM yang merupakan pesaing mereka atau sebaliknya.

→ Jika terdapat pengumuman harga

- Jangan berikan maklumat tentang kenaikan harga kepada orang awam sebelum mendapatkan nasihat daripada Jabatan Undang-undang dan Pematuhan UPM.

→ Apabila berurusan dengan pengedar, pelanggan dan pembekal

- Jangan sekat kebebasan pengedar atau pelanggan kita dalam menetapkan harga jualan semula mereka.
- Hubungi Jabatan Undang-undang dan Pematuhan UPM sebelum menandatangani apa-apa perjanjian yang menyekat (seperti sifat eksklusif atau tidak bersaing) dengan pembekal, pengedar atau pelanggan.

→ Jika anda mengesyaki kedudukan pasaran yang dominan

- Hubungi Jabatan Undang-undang dan Pematuhan UPM jika anda rasa bahawa kita mungkin menghadapi kedudukan pasaran yang dominan untuk produk tertentu dalam kawasan geografi tertentu. Kita mesti pastikan bahawa kita tidak menyalahgunakan kedudukan pasaran yang dominan jika kita berada dalam kedudukan tersebut.

→ Jika ada penyiasatan

- Hubungi Jabatan Undang-undang dan Pematuhan UPM dengan serta-merta dan ikut arahan mereka jika mana-mana pihak berkuasa persaingan menghubungi anda atau membuat pemeriksaan tanpa pengumuman (juga dikenali sebagai “serbuan subuh”).



Sumber

- Peraturan Pematuhan Undang-undang Persaingan UPM
- Peraturan Hubungan Pesaing UPM
- Peraturan Penyertaan Persatuan UPM

7

Lindungi aset dan maklumat

Aset dan maklumat kita ialah asas kepada kejayaan perniagaan kita. Kita menggunakan dan melindungi dengan berhati-hati aset dan maklumat yang telah diamanahkan kepada kita untuk menjalankan perniagaan.



Kita mengendalikan semua aset fizikal dan digital dengan teliti

Dalam tugas harian, kita bertanggungjawab atas aset UPM dan aset rakan kongsi perniagaan kita seperti jentera, peralatan, bahan mentah, kenderaan, peralatan IT, peranti pengautomasi pengeluaran, penyelesaian maklumat digital dan dana. Kita mengendalikannya dengan berhati-hati dan melindunginya daripada kerosakan, kehilangan, kecurian dan penyalahgunaan.

Kita melindungi maklumat sulit

Para pekerja kita mesti mengambil langkah yang bersesuaian untuk melindungi maklumat sulit kita dan rakan kongsi perniagaan kita. Kita mengendalikan maklumat sulit dengan berhati-hati dan berkongsi maklumat sulit hanya dengan mereka yang berhak untuk mengakses maklumat itu dan memerlukannya untuk menjalankan tugas mereka. Kita melindungi harta intelektual UPM – reka cipta, paten, hak cipta, tanda dagangan dan rahsia perdagangan – dengan wajar.

Walaupun UPM menggalakkan para pekerja aktif dalam media sosial, kita semua mesti berhati-hati untuk tidak mendedahkan maklumat sulit atau menyiaran apa-apa gambar, video atau kandungan lain yang kita tiada hak untuk menggunakan.

Kita mengenal pasti had terhadap pendedahan umum dan maklumat dalaman

Sebagai syarikat tersenarai awam, kita mesti mematuhi undang-undang dan peraturan bursa saham Helsinki yang terpakai apabila mendedahkan maklumat UPM kepada orang awam. Hanya para pekerja UPM yang dikhususkan boleh membuat kenyataan awam kepada media bagi pihak UPM. Kita komited untuk mematuhi undang-undang dan peraturan tentang penyalahgunaan pasaran dan maklumat dalaman seperti sekatan ke atas perdagangan dan pendedahan.



APAKAH PERKARA YANG WAJAR DILAKUKAN?

→ Apabila mengendalikan aset dan maklumat

- Jangan salah guna aset atau maklumat syarikat untuk perniagaan peribadi atau bukan perniagaan UPM atau aktiviti yang menyalahi undang-undang atau tidak beretika.
- Jangan gunakan perkhidmatan atau masa rakan sekerja anda untuk manfaat peribadi.
- Apabila kita berkongsi maklumat, contohnya dengan mewujudkan kumpulan kerjasama digital yang baharu, kita memastikan bahawa hak akses tersebut dihadkan kepada mereka yang memerlukan maklumat tersebut dalam kerja mereka.
- Gunakan dasar meja bersih – jangan sekali-kali meninggalkan maklumat sulit tanpa pengawasan di atas meja anda atau di mana-mana tempat lain.
- Jangan berkongsi maklumat sulit daripada bekas majikan atau meminta orang lain melakukannya. Jika anda meninggalkan UPM, jangan berkongsi maklumat sulit kita dengan orang lain.



Semasa di luar tempat kerja

- Jangan bincangkan hal sulit di tempat awam atau dengan saudara-mara atau rakan.
- Apabila bekerja dari jauh,kekalkan tahap kerahsiaan yang sama seperti dalam persekitaran pejabat yang dilindungi. Pastikan bahawa tiada sesiapa dapat melihat atau mendapat akses data sulit pada peranti anda atau terdengar panggilan anda.



→ Apabila dihubungi oleh pihak luar

- Arahkan semua hubungan media kepada Hubungan Pemegang Kepentingan UPM untuk semua komen berkenaan hal syarikat.
- Sebelum mendedahkan apa-apa maklumat sulit kepada mana-mana pihak luar, nilai keperluan mereka untuk mengetahui hal itu dan pastikan mereka menyediakan perjanjian kerahsiaan.
- Sila berhati-hati jika pihak luar meminta maklumat tentang syarikat daripada anda, contohnya, sebagai sebahagian daripada prosedur Kenali Pelanggan Anda. Pastikan peminta maklumat itu mempunyai tujuan yang sah, jangan berikan apa-apa maklumat sulit tanpa perjanjian kerahsiaan yang bersesuaian dan lindungi data peribadi.

→ Apabila berurusan dengan harta intelektual, maklumat orang dalam atau anak syarikat

- Lindungi harta intelektual UPM dengan menyelenggarakan perlindungan undang-undang dan kerahsiaan yang mencukupi dan hormati harta intelektual pihak luar.
- Pastikan bahawa anda mendapat maklumat terkini berkaitan dasar dan prosedur korporat berkaitan dengan maklumat orang dalam. Hubungi Jabatan Undang-undang dan Pematuhan UPM jika anda mempunyai apa-apa pertanyaan.
- Patuhi prosedur kelulusan UPM dan rangka kerja pentadbiran anak syarikat apabila keputusan dibuat dalam syarikat Kumpulan UPM.



Sumber

- Peraturan Keselamatan UPM
- Peraturan Kerahsiaan UPM
- Dasar Orang Dalam UPM
- Dasar Pendedahan UPM
- Peraturan UPM untuk Pentadbiran Entiti Undang-undang Global
- Dasar Pengurusan Risiko UPM



Keselamatan siber ialah keutamaan kita

Kita bertanggungjawab untuk melindungi maklumat berharga dan aset digital kita daripada ancaman serta penggunaan yang tidak dibenarkan dan menyalahi undang-undang. Menjadi dasar kita untuk memastikan bahawa maklumat yang diperlukan untuk menjalankan dan membangunkan perniagaan kita digunakan dan dilindungi secukupnya di pejabat, lokasi pengeluaran dan semasa bekerja dari jauh. Kami melaporkan anomalি keselamatan siber berkaitan penggunaan maklumat atau aset digital atau tingkah laku. Kita menggunakan dan memanfaatkan maklumat dan aset digital secara beretika dan bertanggungjawab.

Kita menghormati privasi

Kita menghormati privasi rakan sekerja kita, pemegang kepentingan (seperti pelanggan, pemilik hutan dan pembekal) dan wakil mereka dengan mengendalikan data peribadi dengan mematuhi undang-undang dan dasar dan prosedur syarikat yang berkaitan. Data peribadi bermaksud mana-mana maklumat yang akan atau dapat mengenal pasti orang sebenar, seperti nama, alamat e-mel, nombor telefon, nombor kad kredit, nombor pengenalan peribadi atau gambarnya. Apabila kita dikehendaki untuk mengendalikan data peribadi, kita berbuat demikian dengan mengikut undang-undang, adil dan telus berhubung dengan orang tersebut.

**"Cegah, lindungi,
perhatikan!"**



APAKAH PERKARA YANG WAJAR DILAKUKAN?



Untuk meminimumkan risiko siber

- Apabila terlibat dalam aktiviti perniagaan, hanya gunakan aset dan alat digital yang diluluskan oleh UPM.
- Jangan kongsi ID pengguna atau kata laluan syarikat anda dengan sesiapa atau gunakannya dalam apa-apa perkhidmatan yang anda gunakan untuk tujuan peribadi.
- Jika anda berasa ada sesuatu yang tidak kena – e-mel, panggilan atau tingkah laku sistem yang pelik – laporkan kepada Meja Perkhidmatan UPM dengan segera.
- Berikan perhatian khas terhadap keselamatan siber semasa bekerja dengan peranti pengautomasi pengeluaran.



Apabila mengendalikan data peribadi

- Sebelum mengendalikan data peribadi, rancang dahulu cara data akan dikendalikan dan pastikan anda mempunyai sebab perniagaan yang sah untuk memproses data tersebut.
- Hadkan penggunaan dan pengumpulan data peribadi kepada perkara yang perlu untuk tujuan anda.
- Lindungi data peribadi secara fizikal dan elektronik dengan pengendalian yang sesuai, hak akses, kata laluan dan penggunaan alat serta sistem yang diluluskan oleh syarikat.
- Hapuskan dengan selamat mana-mana data peribadi yang tidak diperlukan lagi untuk tujuan data tersebut dikumpulkan pada asalnya.
- Sekiranya anda mengesyaki berlakunya pelanggaran data peribadi, laporkan dengan serta-merta kepada pasukan Privasi UPM.



Sumber

- Peraturan Keselamatan Maklumat dan Perlindungan Data Peribadi UPM

Kita mengikut prosedur membuat keputusan

Keputusan kita hendaklah dibuat dengan memikirkan kepentingan UPM dan berdasarkan penilaian risiko yang bersesuaian. Prosedur kelulusan undang-undang dan kewangan digunakan di seluruh organisasi kita dan kita komited untuk mengikutnya. Prosedur ini termasuk amalan pengurangan risiko, seperti menentukan orang yang diberikan kuasa, had kewangan dan pengasingan tugas.

Kita memastikan buku kira-kira dan rekod yang tepat

Semua transaksi perniagaan mesti direkodkan dalam buku dan akaun kita dengan tepat dan adil. Penyimpanan rekod dan pelaporan yang tepat membantu kita memenuhi keperluan undang-undang dan peraturan kita, contohnya, berkenaan percukaian. Para pekerja kita mesti mengetahui dan mematuhi dasar korporat tentang penyelenggaraan, penyimpanan dan pelupusan rekod.



APAKAH PERKARA YANG WAJAR DILAKUKAN?

→ Apabila berurus dengan urus niaga, invois, buku kira-kira dan rekod

- Sebelum meluluskan transaksi, invois atau tuntutan perbelanjaan atau menandatangani dokumen, sahkan fakta dan kesempurnaan maklumat serta pastikan bahawa terdapat sebab perniagaan yang sah bagi urus niaga tersebut.
- Ambil perhatian bahawa bayaran sentiasa perlu dikendalikan mengikut proses dalaman kita (kelulusan, akaun, pengesahan, dokumentasi). Jangan berkompromi dengan keperluan ini walaupun anda tergesa-gesa atau dikenakan tekanan.
- Jangan palsukan atau meminta orang lain untuk memalsukan buku kira-kira, rekod atau akaun syarikat.
- Jangan rekodkan atau tuntut invois atau perbelanjaan yang dipalsukan atau tidak betul.
- Jangan rekodkan perbelanjaan tanpa dokumen sokongan atau justifikasi yang diperlukan oleh dasar dan prosedur korporat.
- Laporkan transaksi, bayaran atau perbelanjaan yang mencurigakan kepada wakil Kewangan UPM, Audit Dalaman UPM atau Jabatan Undang-undang dan Pematuhan UPM. Dalam kes risiko siber berkaitan dengan acara mencurigakan yang sedemikian, libatkan juga pihak IT UPM.



Sumber

- Dasar Kelulusan UPM
- Lihat Intra UPM bagi peraturan korporat lain berkaitan bahagian ini

8

Kenali orang yang berurusan dengan anda

Dengan mengenali pelanggan, pembekal dan rakan kongsi perniagaan kita yang lain dan mengembangkan hubungan perniagaan dengan mereka, kita dapat memperbaiki prestasi perniagaan, keselamatan bekalan dan kesinambungan perniagaan. Pada masa yang sama, kita boleh mengurangkan kemungkinan untuk kita terlibat dalam aktiviti perniagaan yang menyalahi undang-undang dan mengalami kerugian atau reputasi terjejas disebabkan hubungan tersebut.

Kita memilih rakan kongsi perniagaan kita dengan teliti

Kita mesti memilih rakan kongsi perniagaan dengan teliti menggunakan kriteria yang objektif. Kita berusaha untuk mengenal pasti dan menangani risiko yang berkaitan dengan rakan kongsi perniagaan kita sebelum menjalin apa-apa hubungan perniagaan dengan mereka. Kita juga memantau rakan kongsi perniagaan kita melalui hubungan kita dengan mereka. Kita memfokus terutamanya untuk mengurangkan risiko berkaitan hal ehwal hak asasi manusia (lihat Bahagian 2), sogokan dan rasuah (lihat Bahagian 4), pematuhan perdagangan, pengubahan wang haram, penipuan dan kewangan. Selain itu, risiko alam sekitar dan keselamatan bekalan diurus dengan teliti dalam rantaian bekalan kita.

Kita membuat penyumberan dengan bertanggungjawab

Kita komited terhadap amalan penyumberan yang bertanggungjawab. Dalam Tatakelakuan Pembekal dan Pihak Ketiga UPM, kita menetapkan keperluan agar pembekal kita memastikan bahawa mereka komited terhadap amalan perniagaan beretika yang sama seperti kita dan kita mengharapkan mereka melanjutkan keperluan ini dalam rantaian bekalan mereka sendiri. Selain keperluan ini yang terpakai kepada semua pembekal, keperluan tambahan seperti asal usul bahan mentah, terpakai kepada produk dan perkhidmatan tertentu.

Kita mematuhi peraturan pematuhan perdagangan

Seperti mana-mana syarikat global yang lain, kita mesti mematuhi semua undang-undang pematuhan perdagangan kebangsaan dan antarabangsa yang terpakai. Pematuhan perdagangan termasuk peraturan yang mentadbir urusan perdagangan barang import, eksport dan domestik, serta sekatan antarabangsa dan amalan perdagangan yang terbatas.

Kita tidak melibatkan diri dalam pengubahan wang haram atau kesalahan yang serupa

Pengubahan wang haram ialah proses apabila dana yang dijana melalui aktiviti jenayah – seperti penipuan, pengelakan cukai, pemerdagangan manusia dan sogokan – dipindahkan melalui perniagaan yang sah untuk menyembunyikan asal usul jenayahnya. Kita mematuhi semua keperluan undang-undang untuk memastikan bahawa kita tidak terlibat dalam perniagaan yang melanggar undang-undang antipengubahan wang haram, antikeganasan atau jenayah kewangan.



**"Adakah anda
mengenali
rakan kongsi
perniagaan
anda?"**



APAKAH PERKARA YANG WAJAR DILAKUKAN?

→ Bagi kita semua yang berhubung dengan rakan kongsi perniagaan

- Kenali pelanggan, pembekal dan rakan kongsi perniagaan yang lain. Dapatkan dan selenggara maklumat yang relevan dan terkemas kini tentang mereka dengan menjalankan usaha wajar berasaskan risiko di samping semakan kredit atau kewangan yang lain mengikut dasar dan prosedur korporat kita.
- Rujuk Bahagian 4 untuk pengurusan risiko berkaitan rakan kongsi perniagaan yang bertindak bagi pihak UPM (seperti ejen, perunding, penasihat, rakan kongsi usaha sama, rakan kongsi tempatan atau pengedar).
- Jangan terlibat dengan rakan kongsi perniagaan atau meneruskan hubungan perniagaan jika anda tidak mempunyai maklumat yang mencukupi atau jika anda mempunyai kebimbangan tentang tingkah laku beretika rakan kongsi tersebut. Jangan lakukannya walaupun anda tergesa-gesa atau dikenakan tekanan.
- Sasarkan untuk membina hubungan perniagaan secara berterusan, pantau aktiviti rakan kongsi perniagaan dengan berhati-hati dan ambil tindakan jika anda mengesan risiko yang boleh menjelaskan UPM.
- Simpan rekod yang lengkap dan tepat tentang semua urus niaga perniagaan.
- Jangan terima bayaran dalam bentuk tunai atau tunai setara tanpa mengikuti prosedur dalaman kita.
- Berhati-hati semasa membuat pembayaran kepada rakan kongsi perniagaan seperti pembekal dan ejen. Pastikan bayaran dibuat kepada orang atau syarikat yang menyediakan barang atau perkhidmatan itu dan bukan kepada mana-mana pihak yang tidak berkaitan. Pastikan juga bayaran dibuat kepada negara tempat rakan kongsi itu menjalankan perniagaan, menjual barang atau menyediakan perkhidmatan kepada UPM.
- Jangan abaikan tanda amaran seperti struktur bayaran yang rumit dan luar biasa, bayaran berbilang daripada atau kepada pelbagai pihak, permintaan bayaran untuk akaun yang tidak berkaitan. Dengan pelanggan, tanda amaran boleh jadi dalam bentuk peningkatan dalam jumlah pesanan yang tidak konsisten dengan corak pesanan biasa atau kekurangan tujuan perniagaan yang jelas.
- Berhenti dan minta nasihat (daripada pengurus anda, Jabatan Kewangan UPM atau Jabatan Undang-undang dan Pematuhan UPM) jika anda mempunyai apa-apa kebimbangan tentang suatu urus niaga itu.

→ Apabila menjalankan penyumberan

- Pilih pembekal berdasarkan hanya kriteria yang telah ditentukan lebih awal.
- Sebelum mendapatkan khidmat suatu pembekal, lengkapkan penilaian risiko bersesuaian yang mencerminkan pemahaman kita tentang risiko pematuhan berkaitan produk atau perkhidmatan yang kita sedang sumberkan itu, di samping kawasan geografi dan kerumitan rantaian bekalan tersebut.
- Sampaikan dengan jelas keperluan UPM, termasuk Tatakelakuan Pembekal dan Pihak Ketiga UPM.
- Pastikan bahawa pembekal mematuhi Tatakelakuan Pembekal dan Pihak Ketiga UPM atau piawai yang serupa.
- Gunakan kelebihan anda untuk memastikan bahawa pembekal mempromosikan Tatakelakuan Pembekal dan Pihak Ketiga UPM atau standard yang serupa dalam rantaian bekalan mereka sendiri.
- Keengganan mematuhi Tatakelakuan Pembekal dan Pihak Ketiga UPM atau standard yang serupa atau mempromosikan kod tersebut dalam rantaian bekalan pembekal sendiri sentiasa merupakan tanda amaran dan perlu ditangani.
- Lindungi maklumat sulit dan kongsi maklumat tentang prestasi atau harga produk atas dasar perlu tahu sahaja.



Sumber

- Tatakelakuan Pembekal dan Pihak Ketiga UPM

9

Melibatkan diri dengan pemegang kepentingan kita dan masyarakat

Membina dan mengekalkan hubungan baik dan menyokong daya tenaga komuniti tempatan yang berhampiran dengan operasi kita adalah penting bagi kita dan perniagaan kita.



Kita menggalakkan dialog

Matlamat kita adalah untuk menjadi rakan kongsi yang dipercayai. Kita bertujuan untuk memahami jangkaan pemegang kepentingan kita dan melibatkan diri dalam dialog dengan mereka untuk membincangkan sasaran UPM, prinsip operasi dan cabaran yang kita hadapi. Kita menghormati hak untuk memiliki pendapat berbeza kerana kita ingin menggalakkan dialog dengan pemegang kepentingan dan masyarakat kita.

Kita memfokus pada penglibatan setempat


Kita mengiktiraf kesan sosial yang besar terhadap komuniti di sekeliling kita dan berusaha untuk melibatkan diri dengan mereka. Matlamat kita adalah untuk menyumbang secara positif kepada pembangunan ekonomi, persekitaran dan sosial mereka dan meminimumkan apa-apa kesan negatif daripada operasi kita. Kita mengambil bahagian dalam pembangunan komuniti setempat kita melalui pelbagai projek dan inisiatif dan mendedahkan aktiviti kita secara terbuka. Apabila UPM bekerjasama dengan pihak berkuasa setempat untuk menjalankan projek dan inisiatif seumpamanya, kita memastikan integriti tindakan kita dan mematuhi sepenuhnya undang-undang anti-rasuah dan dasar syarikat.



APAKAH PERKARA YANG WAJAR DILAKUKAN?

Untuk kita semua

- Hubungi Jabatan Undang-undang dan Pematuhan UPM sebelum bekerjasama dengan mana-mana pihak berkuasa tempatan dalam suatu pelaburan atau projek pembangunan dalam komuniti setempat.
- Jangan buat sumbangan politik atau sebaliknya menyokong calon, parti atau kumpulan politik bagi pihak UPM. Pastikan bahawa aktiviti politik anda diasingkan dengan jelas daripada tugas anda.
- Pastikan bahawa sumbangan dan tajaan diluluskan mengikut dasar dan prosedur korporat kita berkenaan tajaan, sumbangan dan kesukarelawanan pekerja.
- Ingat bahawa kita tidak membenarkan derma amal dibuat setempat oleh perniagaan kita.
- Terbuka untuk mengadakan dialog membina dengan semua pemegang kepentingan mengikut dasar-dasar UPM berkenaan pendedahan.
- Dengar dan alu-alukan pendapat yang berbeza dan luahkan pendapat anda secara membina.



"Dialog pemegang kepentingan bermula dengan keyakinan"



Sumber

- Peraturan UPM bagi Penajaan, Sumbangan dan Kesukarelawanan Pekerja

10

Pematuhan melibatkan semua orang

Para pekerja mestilah melaporkan apa-apa pelanggaran yang dicurigai atau diperhatikan terhadap undang-undang, Tatakelakuan ini atau dasar korporat UPM yang lain. Tindakan ini membolehkan kita menangani isu dan membetulkannya tepat pada masanya dan mencegahnya daripada berulang, sama ada dalam konteks yang sama atau berlainan dalam organisasi.



"Berdiam diri bukan pilihan.
Bersuara, dengar dan
bertindak!"

Kita mesti bersuara jika kita mempunyai kebimbangan tentang pematuhan

Kita semua bertanggungjawab untuk mengekalkan piawai integriti dan etika UPM. Jika kita mengesyaki salah laku, kita semua dikehendaki untuk membantkitkan dan melaporkannya serta mendengar kebimbangan yang dibangkitkan oleh orang lain. Kita mestilah tidak menganggap bahawa orang lain telah melaporkan sesuatu risiko atau kebimbangan itu.

Kita tidak bertolak ansur dengan tindakan balas

Kita tidak bertolak ansur dengan tindakan balas terhadap mana-mana orang yang, secara jujur, melaporkan salah laku yang disyaki atau terlibat dalam penyiasatan untuk menyelesaikan salah laku yang disyaki. Contoh tindakan balas termasuk penurunan pangkat, pemecatan, tidak memberarkan kenaikan pangkat, pengurangan gaji dan apa-apa jenis ancaman, pembulian atau gangguan..

Salah laku membawa akibat

Para pekerja yang melanggar undang-undang, Tatakelakuan UPM atau dasar UPM boleh dikenakan tindakan disiplin sehingga dan termasuk pemberhentian kerja. Tindakan disiplin lain mungkin termasuk teguran, amaran dan kehilangan insentif. Contoh salah laku yang boleh membawa kepada tindakan disiplin termasuk

- melanggar mana-mana undang-undang yang berkenaan
- melanggar dasar korporat UPM
- meminta orang lain untuk melanggar undang-undang yang terpakai atau dasar korporat UPM
- gagal untuk mengemukakan aduan pelanggaran dasar korporat UPM yang diketahui atau disyaki
- memberikan laporan palsu atau memberikan maklumat palsu dalam penyiasatan dengan sengaja
- gagal bekerjasama dalam siasatan UPM terhadap kemungkinan pelanggaran dasar
- bertindak balas atau bertolak ansur dengan tindakan balas terhadap pekerja kerana melaporkan salah laku yang disyaki.

Akibat salah laku lain yang mungkin termasuk sekatan sivil (contohnya ganti rugi, pelanggaran kontrak) dan sekatan jenayah (contohnya denda dan penjara).

Salah laku juga mungkin boleh menyebabkan akibat peribadi seperti kerosakan kepada reputasi, peluang kerjaya dan hubungan peribadi anda.



PERKARA YANG BERLAKU APABILA ANDA MEMBUAT LAPORAN

Pemulaan kes:

Laporan salah laku disemak dengan teliti, data peribadi dikendalikan dengan sewajarnya dan kerahsiaan laporan dikekalkan setakat yang mungkin.

Siasatan:

Siasatan dijalankan oleh orang yang ditugaskan dengan kecekapan yang diperlukan.

Pemulihan:

Jika laporan disahkan, tindakan disiplin dan/atau prosiding undang-undang yang sewajarnya akan ditentukan dan pelajaran yang dipelajari akan dilaksanakan.

Kes ini akan ditutup.

**Sumber**

- Prosedur Laporkan salah laku UPM
- Laporan Integriti UPM

KITA MEMPUNYAI BEBERAPA CARA UNTUK MENGEJELAKUAKAN KEBIMBANGAN KITA

Bincangkan dengan pengurus anda atau

Bincangkan dengan wakil Jabatan Undang-undang dan Pematuhan UPM, Sumber Manusia UPM atau Audit Dalaman UPM atau

Gunakan saluran Laporkan Salah Laku UPM
(tersedia secara tanpa nama)

- Untuk warga UPM: SpeakUp
- Untuk pemegang kepentingan: upm.com/reportmisconduct
- Melalui pos:
UPM-Kymmene Corporation
Head of Internal Audit or
Chief Compliance Officer
PO Box 380
FI-00101 Helsinki, Finland

